

---

## **AMALAN PENENTUAN KADAR URUF PEMAKAIAN EMAS PERHIASAN DI WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR DAN SELANGOR**

**Ummi Farahin Yasin<sup>1</sup>, Noor Naemah Abdul Rahman<sup>1</sup>, Muhammad Ikhlas  
Rosele<sup>1\*</sup>**

*<sup>1</sup> Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya*

---

### **ABSTRAK**

Artikel ini akan membincangkan mengenai penentuan kadar uruf pemakaian emas perhiasan di Malaysia. Penentuan ini adalah bertujuan menentukan kadar wajib zakat emas perhiasan yang dimiliki umat Islam. Kajian dilakukan dengan menjelaskan hukum zakat emas perhiasan dan penentuan uruf pemakaian emas perhiasan. Selanjutnya kajian melakukan tinjauan terhadap amalan penentuan kadar uruf tersebut dengan memfokuskan terhadap dua negeri iaitu Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Selangor. Kajian dilakukan secara induktif dan deduktif. Hasil kajian mendapatkan, dua negeri tersebut telah melakukan kajian terhadap kadar uruf pemakaian emas perhiasan di negeri masing-masing. Kajian dilakukan secara quantitative melalui soal selidik dan dianalisis bagi memperoleh kadar yang dikehendaki. Namun, terdapat beberapa permasalahan dalam kajian yang dijalankan tersebut.

---

**Kata kunci:** Zakat, Uruf, Pmas Perhiasan, Hukum, Malaysia

---

### **Pendahuluan**

Kewajipan pengeluaran zakat emas ke atas individu Muslim yang memiliki emas setelah memenuhi beberapa syarat yang melayakkannya untuk menunaikan kewajipan zakat telah jelas (al-Shirazi, 1995). Dalam hal ini, Allah SWT telah berfirman:

---

\* Pengarang penghubung. Muhammad Ikhlas Rosele, Pensyarah Kanan di Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, e-mail: [ikhlas@um.edu.my](mailto:ikhlas@um.edu.my)

﴿وَالَّذِينَ يَكْنِزُونَ الْذَّهَبَ وَالْفَضْلَةَ وَلَا يَنْفَقُوهُمَا فِي سَبِيلِ اللَّهِ فَبَشِّرُهُمْ بِعِذَابٍ أَلِيمٍ﴾

(Surah al-Tawbah 9:34)

Terjemahan: Dan (ingatlah) orang-orang yang menyimpan emas dan perak serta tidak membelanjakannya pada jalan Allah, maka khabarkanlah kepada mereka dengan (balasan) azab seksa yang tidak terperinci.

Namun begitu, apabila berbincang mengenai kewajipan zakat emas, timbul pula persoalan berkenaan status kewajipan pengeluaran zakat bagi emas perhiasan iaitu barang perhiasan yang diperbuat daripada emas. Secara ringkasnya, sebahagian ulama seperti Malikiyyah, Shafi'iyyah dan Hanabilah tidak mewajibkan pengeluaran zakat emas perhiasan selagi mana memenuhi beberapa kriteria yang telah ditentukan. Adapun sebahagian yang lain seperti Hanafiyah mewajibkannya (Shubayr, 1986).

Seperti di Malaysia, pandangan yang menyatakan zakat tidak wajib bagi emas perhiasan telah diguna pakai. Namun, sekiranya pemakaian emas perhiasan melebihi kadar uruf, maka zakat menjadi wajib. Justeru, uruf atau disebut juga sebagai kebiasaan telah dijadikan sebagai ukuran dalam penentuan kadar yang mewajibkan zakat emas perhiasan. Oleh itu, artikel ini akan mengkaji amalan penentuan kadar uruf zakat emas perhiasan di Malaysia. Kajian ini akan memfokuskan kepada amalan penentuan kadar uruf zakat emas perhiasan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Selangor sahaja.

### **Hukum Zakat Emas Perhiasan**

Zakat merupakan salah satu rukun daripada rukun Islam yang wajib dilaksanakan oleh umat Islam. Ia terbahagi kepada beberapa jenis zakat seperti zakat pendapatan (Muhammad Ikhlas, et.al., 2017), zakat pertanian, zakat perniagaan, zakat emas dan perak dan zakat ternakan (Muhammad Uzair & Luqman, 2015; Muhsin & Suhaili, 2016), yang mana setiap jenis zakat tersebut mempunyai perbincangan hukum yang tersendiri. Hukum kewajipan zakat emas perhiasan diperselisihkan oleh ulama. Menurut al-Kasani (2003) menerusi kitabnya *Bada'i'al-Sana'i'*, emas perhiasan adalah wajib dikenakan zakat. Pandangan ini mewakili pandangan ulama Hanafiyah yang kelihatan berbeza dengan kebanyakan pandangan ulama yang lain. Menurutnya, kewajipan zakat bagi emas telah jelas disebut menerusi Surah al-Tawbah, ayat 34, tanpa membezakan sama ada emas tersebut dijadikan sebagai barang perhiasan atau sebagainya.

Sementara itu, ulama Malikiyyah (Malik, 1992; Malik, 1994), Shafi'iyyah (al-Shafi'i, 1993; al-Baghawi, 2006) dan Hanabilah (al-Maqdisi, 2005; al-Mardawi, 1998) juga telah melakukan perbahasan sejauhmana zakat emas perhiasan itu wajib dikeluarkan. Majoriti mereka berpendapat, zakat tidak wajib dikeluarkan bagi emas perhiasan yang diharuskan pemakaianya. Namun bagi penggunaan yang diharamkan, zakat tetap diwajibkan seperti penggunaan emas perhiasan bagi lelaki dan barang perhiasan rumah yang diperbuat daripada emas seperti pinggan mangkuk dan lain-lain. Selain itu, zakat tidak dikenakan keatasnya melainkan emas perhiasan yang digunakan untuk tujuan simpanan atau tijarah.

Ishaq telah meriwayatkan sekiranya pemakaian emas perhiasan mencapai kadar yang jelas menunjukkan pembaziran, maka zakat tetap dikenakan (al-Marwazi, 2004). Namun begitu, ukuran dalam menentukan kadar yang dinisbahkan sebagai kadar pemakaian yang bersifat membazir tidak dinyatakan dengan lebih terperinci. 'Abd al-Rahman al-Jaziri (1994) juga telah menjelaskan bahawa pemakaian emas perhiasan yang disifatkan sebagai pembaziran, maka zakat wajib dikeluarkan ke atasnya.

Al-'Allamah Abi Bakr 'Uthman al-Bakr (1995) menjelaskan, untuk menentukan kadar yang diklasifikasikan sebagai pembaziran adalah dengan melihat kepada uruf. Iaitu, sekiranya kadar pemakaian emas perhiasan melebihi kadar kebiasaan yang digunakan oleh masyarakat dalam sesebuah kawasan tertentu, maka ia merupakan suatu pembaziran. Justeru, kadar uruf tersebut akan berbeza bergantung kepada kawasan-kawasan tertentu dengan mengambil kira latar belakang atau budaya masyarakat masing-masing.

'Abd al-Karim Zaydan (1994) telah mentarjihkan pendapat yang menyatakan zakat tidak wajib bagi emas perhiasan. Akan tetapi ketidakwajipan tersebut bagi emas perhiasan yang dipakai secara tidak melampau dengan berdasarkan kepada kadar uruf pemakaian emas perhiasan. Selain itu, beliau juga membincangkan mengenai timbangan atau kadar emas perhiasan yang dikecualikan daripada dikenakan zakat. Menurutnya, banyak atau sedikit kadar pemakaian emas tersebut adalah bergantung kepada kebiasaan (uruf). Justeru dalam persoalan kewajipan zakat emas perhiasan perlu meraikan kebiasaan atau uruf pemakaianya.

Oleh kerana itu, artikel ini menerima pendapat yang dikemukakan oleh 'Abd al-Karim Zaydan, iaitu, zakat emas perhiasan tidak diwajibkan kecuali ia melebihi kadar uruf pemakaian emas masyarakat sesebuah tempat. Oleh itu, penentuan terhadap kadar uruf perlu dilakukan. Namun, persoalannya bagaimanakah ingin menentukan kadar uruf pemakaian emas perhiasan.

### **Penentuan Kadar Uruf Zakat Emas Perhiasan**

Sebahagian ulama menjelaskan bahawa hukum-hakam dalam syariah Islam terbahagi kepada dua jenis (Zaydan, 2009; al-Qattan, 2009): iaitu hukum yang dapat difahami menerusi nas secara jelas (sama ada menerusi al-Quran atau sunnah) yang mana tiada atau amat sedikit unsur pemahaman manusia padanya. Kedua, hukum yang tidak dapat difahami secara jelas menerusi nas. Dengan demikian, ijтиhad para fuqaha merupakan platform yang digunakan bagi menjawab serta merungkai hukum-hakam bagi jenis yang kedua ini. 'Abd al-Karim Zaydan menyebutkan bahawa, banyak permasalahan berlaku bagi hukum jenis yang kedua. Justeru, ruang ijтиhad terbuka luas untuk mendapatkan jawapan hukum tertentu dengan mengambil kira manfaat dan kebaikannya ke atas manusia sekali gus dijelaskan berdasarkan realiti dan keadaan semasa (al-Qaradawi, 2001; Md. Saleh Haji Ahmad, 2000). Dalam konteks semasa hari ini, ijтиhad lebih mesra disebut dengan istilah 'penyelidikan'. Ramuan pelaksanaannya sebagaimana pemakaian istilah 'ijтиhad' tetap sama iaitu usul al-fiqh masih juga dijadikan asas dalam pembinaan hukum Islam semasa (Paizah Hj. Ismail, 2010).

Dalam penyelidikan hukum Islam semasa, uruf dan maslahah merupakan antara sumber subsidiari untuk memahami sesuatu hukum tertentu (Mahmood Zuhdi Ab. Majid, 1997) selepas sumber utama iaitu al-Quran dan sunnah. Dengan mengambil kira skop uruf sebagai sumber yang sangat rapat dan berkait secara langsung dengan keadaan semasa dan setempat (al-Jizani, 2010), sememangnya sumber ini telah diperakui oleh kebanyakan ulama berkenaan pengaruh dan kedudukannya dalam pembinaan hukum semasa. 'Abd al-Karim al-Khatib (1984) menekankan bahawa wajib bagi mujtahid untuk meraikan uruf dalam berijтиhad.

Menyoroti sebahagian nas-nas al-Quran, didapati uruf telah dijadikan sebagai rujukan bagi menafsirkan beberapa kes dan masalah yang berlaku (Abu Zahrah, 2006; al-Qaradawi, 1990). Sebagai contoh penafsiran nas berkenaan kadar kewajipan nafkah yang perlu diberikan. Firman

Allah SWT (لينفق ذو سعة من سعة) Surah al-Talaq 65:7. Maksudnya: Hendaklah orang yang mempunyai keluasan memberi nafkah menurut kemampuannya. Berdasarkan ayat ini, kewajipan supaya memberikan nafkah telah jelas. Namun begitu, dari segi kadar yang perlu dikeluarkan adalah berdasarkan kepada uruf setempat.

Berkait juga dalam ayatNya berkenaan nafkah kepada isteri yang menyusukan anaknya. Surah al-Baqarah 2:233 (وعلى المولود له رزقهن وكسوتهن بالمعروف) Maksudnya: Dan kewajipan ayah menanggung nafkah dan pakaian mereka dengan cara yang patut. Selain itu, kadar mut'ah kepada wanita yang ditalak, firman Allah SWT dalam Surah al-Baqarah 2:236 (ومتعوهن على الموسع قدره وعلى المفتر قدره متاعا ) (بالمعروف). Maksudnya: Dan hendaklah kamu beri mereka mut'ah, bagi yang mampu menurut kemampuannya dan bagi yang tidak mampu menurut kesanggupannya iaitu pemberian dengan cara yang patut. Kesemua proses untuk menentukan kriteria kadar yang ma'ruf adalah merujuk kepada uruf semasa.

Justeru, berdasarkan sebahagian nas yang dibawakan seperti di atas, realitinya telah memperlihatkan peranan uruf yang cukup penting. Kedudukan tersebut dalam perkembangan fiqh tidak ternafi lagi sejak zaman Rasullullah SAW, para Sahabat r.a., para imam empat mazhab, ulama kontemporari dan berikutnya. Namun begitu, pengambilkiraan uruf bukan perkara yang boleh dipandang mudah. Ianya perlu kepada penyelidikan yang terperinci dengan penganalisaan yang baik dan teratur (Noor Naemah Abdul Rahman, 2002). Tujuannya supaya uruf yang diambil kira itu selari dengan syariat dan bukanlah dengan penilaian hawa nafsu semata-mata serta mampu memelihara maslahah masyarakat (Husayn Hamid, 1981). Para fuqaha mutaqaddimin, muta'akhirin dan ulama semasa juga telah membuktikan hubung kait ini termasuk kaedah yang telah diaplikasikan di Malaysia dalam kes penentuan kadar pemakaian emas perhiasan. Iaitu, uruf telah dijadikan sandaran utama dalam penghujahan mereka sebelum kadar tersebut diputuskan (Laporan Penuh Kajian Penetapan Uruf Emas Pakai Negeri Pahang Darul Makmur, 2008).

Lantaran itu, uruf yang dimaksudkan dalam perbincangan ini ialah kadar kebiasaan emas perhiasan yang dipakai oleh majoriti golongan wanita di sesebuah kawasan tertentu. Sebagaimana yang dijelaskan oleh al-Qaradawi (2006), bahawa zakat wajib dikeluarkan jika pemakaian mencapai tahap pembaziran dan melebihi kadar kebiasaan. Justeru, pemakaian emas perhiasan yang melebihi kadar uruf adalah pemakaian yang diwajibkan zakat.

Selain itu, al-Qaradawi (2006) juga turut menukilkan kenyataan yang dikemukakan oleh al-Imam al-Nawawi menerusi al-Majmu', setiap perhiasan yang diharuskan bagi kaum wanita harus dipakai sekiranya tiada unsur berlebihan (pembaziran) yang nyata. Jika perhiasan tersebut seperti gelang yang dipakai dengan berat 200 dinar, maka yang sahih menurut sebahagian besar penduduk Iraq mengharamkannya.

Hal ini juga diperkuatkan dengan hadis Nabi SAW yang menunjukkan tuntutan supaya pemakaian emas perhiasan mengikut batasan tertentu. Hadis riwayat Ahmad, al-Nasa'i dan Ibn Majah:

قال رسول الله (ص): كلوا وشربوا وتصدقوا والبسوا مالم يخالف سرف ولا محيلة.

Terjemahan: Makanlah, minumlah dan pakailah dengan tanpa berlebih-lebihan dan tidak pula sompong (al-Tabrizi, 1961).

Justeru menerusi hadis di atas dan penjelasan ulama, secara umumnya memperlihatkan pemakaian emas perhiasan mestilah pada kadar pemakaian yang tidak berlebih-lebihan atau membazir, iaitu dengan merujuk kepada kadar yang menjadi kebiasaan masyarakat setempat. Oleh yang demikian, bagi menafsirkan kadar uruf atau kebiasaan pemakaian emas perhiasan yang ditetapkan, apakah elemen-elemen yang perlu diambilkira untuk mengukur kadar uruf tersebut? Menyoroti beberapa penulisan para sarjana, pengkaji dapat kebanyakan ulama tidak memberi penghuraian secara jelas berkenaan elemen-elemen atau kayu ukur untuk mendapatkan bacaan uruf pemakaian. Oleh itu adalah sukar untuk menyenaraikan secara spesifik apakah elemen-elemen utama yang perlu diambilkira dalam penentuan kadar uruf pemakaian emas perhiasan.

Walaupun begitu, kajian ini merumuskan terdapat dua elemen yang digunakan dalam penentuan kadar uruf pemakaian emas perhiasan. Elemen tersebut dapat dikenalpasti dalam beberapa penulisan yang telah dilakukan sorotan. Secara teorinya elemen tersebut adalah;

1. Elemen kekayaan individu dan masyarakat sekitar. Dengan mengenalpasti elemen ini dapat dirumuskan bahawa masyarakat disesuatu tempat adalah kaya dan mampu memiliki emas perhiasan.
2. Elemen konsep pemakaian. Elemen ini penting dan melengkapi elemen yang pertama. Iaitu walaupun masyarakat kaya tidak menjadi kemestian masyarakat tersebut membudayakan pemakaian emas. Selain itu, perlu dikenalpasti bentuk-bentuk pemakaian masyarakat tersebut sama ada pemakaian bersifat sementara, disimpan untuk tujuan rasmi atau selainnya.

Elemen-elemen tersebut pada hakikatnya perlu diambil berat dan diberi perhatian oleh pihak tertentu dalam menetapkan kadar uruf pemakaian emas perhiasan di sesebuah tempat.

Dalam konteks Malaysia, penetapan kadar uruf bagi zakat emas perhiasan telah dilakukan bagi setiap negeri. Namun begitu, penetapan kadar uruf tersebut berbeza antara negeri-negeri. Berikut merupakan jadual yang menunjukkan penetapan kadar uruf pemakaian emas yang wajib dizakatkan bagi setiap negeri.

Jadual 1: Kadar Uruf Emas Perhiasan yang Dikenakan Zakat

<b>Bil</b>	<b>Negeri</b>	<b>Kadar Uruf Emas (gram)</b>
1	Kedah	170
2	Perlis	170
3	Pulau Pinang	165
4	Kelantan	Tiada
5	Terengganu	850
6	Pahang	500
7	Selangor	800
8	Wilayah Persekutuan	150
9	Negeri Sembilan	200
10	Melaka	200
11	Sabah	250

12	Sarawak	775
13	Perak	500
14	Johor	850

Berdasarkan perbezaan kadar seperti di atas, pihak berkuasa agama disetiap negeri pasti mempunyai kaedah tertentu yang digunakan sebagai panduan untuk menentukan kadar uruf tersebut. Apakah elemen atau kayu ukur yang diambil kira untuk digunakan bagi mengukur kadar uruf. Dengan mengambil persampelan dua buah negeri, iaitu Selangor dan Wilayah Persekutuan, kaedah yang digunakan untuk menetapkan kadar uruf pemakaian cuba dikenal pasti kerana kelihatan wujud perbezaan yang agak ketara.

### **Amalan Penentuan Kadar Uruf**


Mengenai amalan penentuan kadar uruf, kajian mendapati penentuan kadar uruf emas perhiasan di Selangor dijalankan menerusi kajian lapangan yang dilakukan oleh pihak LZS sekitar tahun 2004. Ia dilakukan menerusi edaran borang kaji selidik kepada penduduk di Selangor. Sejumlah soalan kaji selidik telah dibentuk oleh ahli jawatankuasa dan seterusnya soalan-soalan tersebut diedarkan dengan jumlah persampelan yang dapat mewakili keseluruhan komuniti atau penduduk dalam kalangan wanita di Selangor. Keseluruhan data yang merupakan hasil respon penduduk tempatan dikumpulkan dan penelitian serta penganalisaan dilakukan oleh pihak LZS sendiri. Hasil kajian yang telah dijalankan dimuatkan di dalam kertas kerja/cadangan dan seterusnya dipanjangkan dan dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor bagi menetapkan kadar uruf pemakaian emas perhiasan di Selangor sebelum keputusan tersebut diwartakan (Abdullah Ahmad Seni, 2014).

Kajian yang dibuat pada tahun 2004 tersebut merupakan kajian pertama secara menyeluruh dijalankan dengan mengedarkan borang kaji selidik kepada golongan wanita muslim di Selangor. Berdasarkan laporan yang disediakan oleh LZS, sebanyak 1952 responden yang telah memberi maklum balas dalam kajian tersebut. Menurut LZS, kuantiti responden yang diperolehi pada ketika itu adalah kuat bagi mewakili keseluruhan masyarakat yang ada di Selangor (Fariz Abd Razak, 2014). Sementara jawatankuasa fatwa negeri Selangor turut memperakui kekuatan jumlah responden yang diperolehi dalam kajian tersebut.

Seterusnya, data-data yang diperolehi telah dianalisis dengan menggunakan kaedah PROPOTION dalam statistik diskriptif dan bukan inferens. Berbeza dengan kajian sebelum ini yang mana penganalisaan dibuat dengan menggunakan kaedah PRECISION (Kertas Cadangan Penetapan Kadar Uruf Emas Perhiasan di Negeri Selangor Tahun 2004). Namun begitu, pengkaji tidak dapat membuat perbandingan secara terperinci berhubung kaedah Percision yang dikatakan telah digunakan untuk penganalisaan data sebelum tahun 2004. Hal ini kerana, pihak jawatankuasa fatwa sendiri juga tidak pernah menerima sebarang kertas kerja penyelidikan sebelum tahun 2004 sekalipun dari pihak LZS.

Sungguhpun demikian, dalam penganalisaan yang dibuat menerusi kajiannya pada tahun 2004, pengaplikasian kaedah Propotion telah ditunjukkan dalam kertas cadangan berkenaan untuk menjelaskan bagaimakah penetapan kadar sebanyak 500 gram tersebut diperolehi bagi membuktikan kadar uruf pemakaian emas seperti yang dicadangkan. Berdasarkan hasil kajian pada ketika itu telah menunjukkan satu hipotesis, iaitu ‘Lebih daripada 50% wanita Islam di Selangor memakai emas perhiasan yang melebihi 500 gram’. Hipotesis ini dapat dirujuk menerusi carta 1 berikut:

Carta 1: Peratus Pemilikan Emas Perhiasan Masyarakat di Selangor



Sumber: *Kertas Cadangan Penetapan Kadar Uruf Emas Perhiasan di Negeri Selangor Tahun 2004*, Unit Penyelidikan dan Pembangunan Syar'ie, Pusat Zakat Selangor

Carta 1 di atas merujuk kepada peratus pemilikan emas perhiasan yang kurang daripada 500 gram dan juga melebihi 500 gram. Berdasarkan kajian didapati kira-kira 68% dari sampel memiliki emas perhiasan yang timbangannya melebihi 500 gram. Sementara hanya 32% sahaja yang memiliki emas perhiasan yang kurang daripada 500 gram. Oleh yang demikian, melihat kepada peratusan pemilikan emas perhiasan yang melebihi 500 gram adalah melebihi separuh daripada jumlah responden. Maka layak untuk dilabelkan sebagai kadar uruf terbanyak dengan mengikut kaedah Propotional.

Seperti mana yang pernah di nyatakan bahawa, sebelum tahun 2004 sebarang kajian lapangan tidak pernah dibuat di Selangor. Ini bererti kajian soal selidik terhadap masyarakat wanita di Selangor pada tahun 2004 adalah pertama kali dilakukan. Pemerhatian awal secara mudahnya, menunjukkan tidak banyak kaedah yang pernah diaplikasikan dalam usaha untuk membuat penetapan kadar uruf pemakaian emas perhiasan khususnya oleh pihak LZS. Ini kerana sebelum ini, kebanyakan negeri-negeri di Malaysia tidak pernah melakukan sebarang kajian lapangan yang jelas untuk mendapatkan bacaan kadar uruf pemakaian emas perhiasan.

Tambahan pula, merujuk Kertas Cadangan Penetapan Kadar Uruf Emas Perhiasan di Negeri Selangor Tahun 2004 yang diajukan kepada ahli jawatankuasa fatwa Selangor, hasil keputusan kajian penetapan kadar uruf adalah terpakai hanya untuk tempoh lima tahun. Justeru itu, selepas tempoh penetapan dibuat, maka dapat difahami bahawa kajian semula akan dijalankan oleh LZS untuk memperbaharui dan memperbaiki kadar penetapan yang telah dibuat atas dasar mengambil kira perubahan realiti yang berlaku dalam masyarakat. Manakala, kaedah pengiraan zakat emas perhiasan di Selangor adalah sebagaimana berikut;

$$(Berat emas-uruf pemakaian) \times \text{harga emas semasa} \times 2.5\%$$

Contoh:

**Berat emas:** 1000gram

**Uruf pemakaian:** 800gram

**Harga Emas Semasa** (31 Mac 2014): RM134.96

$$(1000-800) \text{ gram} \times \text{RM134.96} = \text{RM26,992} \times 2.5\% = \text{RM674.8}$$

Sumber: Draf Fatwa Sistem Pengurusan Kutipan Zakat Negeri Selangor, hlm 23/69

Sebagai rumusan, kaedah penetapan kadar uruf pemakaian emas perhiasan di Selangor adalah dengan menjalankan kajian lapangan, iaitu dengan menggunakan borang soal selidik. Hasil kajian tersebut telah digunakan sehingga kini yang mana memakan tempoh hampir 10 tahun yang lalu.

Justeru, timbul persoalan apakah hasil kajian tersebut masih relevan dan sah untuk diguna pakai sehingga kini.

Manakala di Wilayah Persekutuan, kadar uruf pemakaian emas perhiasan yang ditetapkan adalah sebanyak 150gram yang mana kadar ini telah digunakan sehingga kini. Iaitu, sejak tahun 1993 yang merupakan waktu pertama kali dibuat penetapan kadar pemakaian uruf emas perhiasan. Meskipun pada ketika itu, kadar ditetapkan dengan menggunakan nilai matawang dan beberapa tahun selepas itu kadar uruf tersebut telah di ‘convert’ kepada bentuk timbangan.

Oleh yang demikian, pengkaji dapat fahami dan menyimpulkan bahawa, sejak tertubuhnya PPZ yang mana ketetapan kadar uruf dibuat, tiada sebarang perubahan terhadap kadar tersebut sehingga ke hari ini. Justeru di sebalik pemakaian kadar uruf yang kelihatan konsisten menimbulkan tanda tanya berkenaan kaedah yang digunakan sehingga begitu memberi kesan terhadap pengaplikasiannya sehingga kini. Pihak atau badan yang bertanggungjawab untuk menjalankan kajian/penyelidikan sebelum penentuan kadar uruf tersebut diputuskan ialah individu-individu terlantikdi Unit Penyelidikan dan Pembangunan Koprat di PPZ.

Hasil temubual, pengkaji dimaklumkan bahawa, sehingga kini masih belum ada kaedah yang tetap digunakan bagi mengukur kadar uruf pemakaian tersebut. Kadar uruf tersebut masih diguna pakai tanpa merubah formula lain untuk diaplikasikan (Razali Md. Jani, 2014). Daripada makluman ini, pengkaji mengandaikan bahawa pasti wujud kekangan disebalik pelaksanaan kajian lanjutan dalam kekerapan tertentu yang cuba dilaksanakan sama ada untuk suatu tempoh yang panjang atau pendek.

Menurut Pengurus Kanan tersebut, pertama kali kajian pernah dibuat adalah sekitar tahun 1991-1992. Pada ketika itu, borang soalan kaji selidik diedarkan kepada penduduk atau masyarakat di wilayah tersebut. Penganalisaan dilakukan dan hasilnya menunjukkan kadar nilai RM5000 adalah kadar uruf pemakaian pada waktu itu. Selepas itu, digantikan kadar uruf yang menggunakan nilai mata wang kepada bentuk timbangan yang mana penetapan ini masih terus diguna pakai hingga kini.

Berdasarkan temubual juga, bukan sahaja kaedah yang digunakan, malah pengkaji juga tidak mendapat sebarang maklumat berkenaan cara pengiraan zakat emas perhiasan yang wajib ditunaikan sama ada berlaku sebarang perubahan atau tidak sebagaimana yang berlaku di Selangor. Di Wilayah Persekutuan, kaedah pengiraan yang diguna pakai adalah seperti berikut:

$$(Berat emas-uruf pemakaian emas) \times \text{harga emas semasa} \times 2.5\%$$

Contoh:

**Berat emas:** 250gram

**Uruf pemakaian emas:** 150gram

**Harga emas semasa:** RM77.16

$$(250\text{gram} - 150\text{gram}) \times \text{RM } 77.16 = \text{RM } 7716 \times 2.5\% = \text{RM } 192.90$$

Sumber: PPZ, Pusat Pungutan Zakat, <http://www.zakat.com.my/jenis-zakat>

Berdasarkan cara pengiraan zakat emas perhiasan seperti yang ditunjukkan di atas, mana-mana individu yang memiliki emas perhiasan melebihi kadar uruf yang ditetapkan maka diwajibkan zakat ke atasnya. Oleh itu, sejumlah berat emas yang dimiliki perlu ditolak terlebih dahulu dengan kadar uruf pemakaian, iaitu sebanyak 150gram. Daripada tolakan timbangan tersebut hendaklah didarabkan pula dengan harga emas semasa dan kemudiannya didarabkan dengan kadar nisab 2.5%. Selepas itu, baharulah zakat perlu dibayar oleh individu tersebut.

Kesimpulannya, pengkaji tidak mendapati kaedah penetapan kadar uruf pemakaian emas perhiasan yang jelas telah digunakan di Wilayah Persekutuan. Formula yang digunakan juga tidak berubah. Kadar uruf yang digunakan semenjak sekitar tahun 1991/92 masih terus dijadikan rujukan. Antara soalan berbangkit adalah apakah kadar yang digunakan untuk tempoh 20 tahun lalu masih sesuai untuk digunakan hari ini.

### **Rumusan dan Perbincangan**

Daripada perbahasan sebelum ini, dapat dijelaskan bahawa Selangor dan Wilayah Persekutuan telah menjalankan kajian terhadap kadar uruf pemakaian emas perhiasan di negeri masing. Kajian yang dilakukan adalah berbentuk kajian lapang yang mana borang soal selidik telah diedar dan dijawab oleh responden. Hasil daripada borang soal selidik tersebut dianalisis bagi memperolehi standard kadar pemakaian emas perhiasan di negeri Selangor mahupun Wilayah Persekutuan.

Kaedah lapangan atau soal selidik merupakan kaedah yang tepat dalam mengenalpasti kadar uruf pemakaian emas perhiasan. Namun jika dilihat dalam kajian di Selangor, analisis dilakukan menunjukkan jumlah pemilikan emas bukannya kadar pemakaian. Hal ini perlu diteliti kerana pemilikan emas tidak semestinya mempengaruhi pemakaian seseorang. Emas yang dimiliki dan tidak digunakan adalah tertakluk kepada kewajipan zakat. Manakala emas yang dipakai tidak dikenakan zakat kecuali setelah melebihi kadar uruf pemakaian. Berbeza dengan Wilayah Persekutuan yang jelas melakukan kajian untuk mengetahui kadar uruf pemakaian emas perhiasan di negeri tersebut. Oleh itu, penambahbaikan dari sudut kaedah pengumpulan data dan analisis data perlu dilakukan. Hal ini adalah untuk memperolehi kadar uruf pemakaian emas perhiasan yang sesuai dengan realiti masyarakat semasa.

Selain itu, perlu diketahui bahawa sifat uruf adalah berubah-ubah dan hukum yang disandarkan kepada uruf juga akan berubah (al-Khayyat, 1977). Hal ini kerana hukum akan sentiasa berada disekitar uruf, selaras dengan kenyataan Ibn Abidin (t.t.) yang bermaksud;

*Uruf dalam syariat mempunyai kedudukan  
Oleh yang demikian hukum berada di sekitarnya*

Oleh yang demikian, kajian mengenai uruf hakikatnya perlu dilakukan secara berkala. Perkara yang sama berlaku dalam penentuan kadar uruf pemakaian emas perhiasan. Kekerapan kajian adalah mengambilkira perubahan corak pemakaian masyarakat dari satu masa ke satu masa. Adalah tidak wajar kadar yang telah diputuskan sejak dahulu digunakan sehingga boleh membebangkan pembayar zakat dan penerima zakat. Penentuan kadar uruf pemakaian emas perhiasan di Wilayah Persekutuan telah dilakukan pada tahun 1991/1992. Tempoh ini telah terlalu lama berbanding dengan Selangor yang mana kajiannya dilakukan pada tahun 2004. Namun kajian di Selangor telah melebihi 10 tahun. Oleh itu, adalah wajar bagi Wilayah Persekutuan dan Selangor memperbaharui kajian mengenai kadar uruf pemakaian emas perhiasan di negeri masing-masing. Kajian secara berkala adalah amat digalakkan sebagai contoh kajian akan dilakukan setiap lima tahun sekali. Ia dapat memastikan keanjalan dan kesesuaian hukum Islam dalam masyarakat.

Selanjutnya adalah mengenai apakah elemen-elemen yang diambilkira dalam kajian. Elemen-elemen yang dimaksudkan adalah perkara yang dapat menentukan corak pemakaian emas perhiasan masyarakat dalam sesuatu tempat. Sebagaimana yang telah disebutkan, kajian ini telah mengemukakan dua elemen yang perlu diambilkira iaitu elemen kekayaan individu atau masyarakat dan konsep pemakaian. Bagi Wilayah Persekutuan, pengenalpastian elemen yang diambilkira tidak dapat dilakukan, hal ini kerana data atau maklumat kajian sebelum ini tidak dijumpai. Di Selangor pula kajian mendapati bahawa kedua-dua elemen ini juga tidak diambilkira. Oleh itu adalah disarankan, pada kajian yang akan datang satu kertas konsep elemen yang

diambilkira dalam penentuan kadar uruf pemakaian emas perhiasan diwujudkan. Selanjutnya, kajian yang dijalankan adalah berpandukan kepada elemen-elemen tersebut.

## **Kesimpulan**

Kajian ini telah menjelaskan mengenai hukum zakat emas perhiasan, kaedah penentuan kadar uruf pemakaian emas perhiasan dan amalannya di Malaysia. Hal ini penting dalam merealisasikan kutipan zakat di Malaysia sejajar dengan syariat Islam. Hasil daripada kajian ini mendapat terdapat beberapa kelompongan dalam amalan penentuan kadar uruf pemakaian emas perhiasan di Malaysia, khususnya di Wilayah Persekutuan dan Selangor. Oleh itu beberapa cadangan penambahbaikan telah dikemukakan antaranya, menambah baik kaedah pengumpulan data dan analisis data, melakukan kajian secara berkala dan melakukan kajian terhadap elemen-elemen yang diambilkira dalam penentuan kadar uruf pemakaian emas perhiasan di Malaysia.

## **RUJUKAN**

Abdullah Ahmad Seni (Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam, Unit Buhuth, Bahagian Fatwa, Jabatan Mufti Negeri Selangor). Temubual pada 19 Mac 2014.

Al-Qaradawi, Yusuf (2001). *Taysir al-Fiqh li al-Muslim al-Mu'asarah fi Daw'i al-Qur'an wa al-Sunnah*. Jakarta: Pustaka al-Kautsar.

Fariz Abd Razak (Eksekutif Lembaga Zakat Selangor). Temubual pada 20 Mac 2014.

Al-Husayn Hamid Hasan (1981). *Madkhal li Dirasah al-Fiqh al-Islami*. Al-Qahirah: Sharikah al-Tubaji.

Ibn Abidin (t.t.). Majmu'ah al-Rasail Ibn Abidin. t.t.p; t.p.

Jabatan Zakat Negeri Kedah Darul Aman. Diakses 10 April 2013 dari, <http://www.zakatkedah.com/index.php/emas>.

Al-Jizani, Muhammad Ibn Husayn Ibn Hasan (2010). *Ma'alim Usul al-Fiqh 'ind Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah*. Al-Dammam: Dar Ibn al-Jawzi.

Kertas Cadangan Penetapan Kadar Uruf Emas Perhiasan di Negeri Selangor Tahun 2004. Unit Penyelidikan dan Pembangunan Syar'ie, Pusat Zakat Selangor

Kertas Cadangan Penetapan Kadar Uruf Emas Perhiasan Di Negeri Selangor Tahun 2004, Unit Penyelidikan dan Pembangunan Syar'ie, Pusat Zakat Selangor.

Al-Khatib, 'Abd al-Karim (1984). *Sadd Bab al-Ijtihad*. Bayrut: Mu'assasah al-Risalah.

Al-Khayyat, 'Abd al-'Aziz (1977). *Nazariyyah al-'Urf*. 'Amman: Maktabah al-Aqsa.

Laporan Penuh Kajian Penetapan Uruf Emas Pakai Negeri Pahang Darul Makmur, 2008. Jawatankuasa Uruf Emas Pakai Negeri Pahang 2008.

Lembaga Zakat Selangor Majlis Agama Islam Selangor. Diakses 10 April 2013 dari, <http://www.e-zakat.com.my/emas-dan-perak/>.

Mahmood Zuhdi Ab. Majid & Paizah Ismail (2006). *Pengantar Pengajian Syariah*. Kuala Lumpur: Al-Baian Corporation Sdn. Bhd.

Mahmood Zuhdi Ab. Majid (1997). "Hukum Islam Semasa di Malaysia: Prospek dan Cabaran." Dalam Syarahan Perdana sebagai pengiktirafan jawatan Profesor, di Auditorium Institusi Pengajian Siswazah dan Penyelidikan, Universiti Malaya, 16 Ogos 1997.

Majlis Agama Islam Negeri Johor. Diakses 10 April 2013 dari, [http://www.maij.gov.my/?page\\_id=110](http://www.maij.gov.my/?page_id=110).

Manna' al-Qattan (2009). *Tarikh al-Tashri' al-Islami*. Al-Qahirah: Maktabah Wahbah.

Md. Saleh Haji Md. @ Haji Ahmad (2000). "Urf dan Adat Semasa di Malaysia Sebagai Asas Penentuan Hukum Yang Tidak Dinaskan." Dalam Fiqh Malaysia: Ke Arah Pembinaan Fiqh Tempatan Yang Terkini, ed. Paizah Hj Ismail dan Ridzwan Ahmad. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.

Mohd Ghani Awang, Noryanti Muhammad et.al (2012). *Research Design & Data Analysis in Social Sciences Research*. Pahang: Universiti Malaysia Pahang.

Muhammad Ikhlas Rosele, et. al. (2017). "Konflik Hukum Zakat Pendapatan: Satu Penilaian." *Labuan e-Journal of Muamalat and Society*, 11: 13-19.

Muhammad Uzair Gamal Abdul Nasir & Luqman Abdullah (2015). "Fatwa-Fatwa Zakat di Negeri Perak: Satu Analisa." *Labuan e-Journal of Muamalat and Society*, 9: 75-91.

Muhsin Nor Paizin & Suhaili Sarif (2016). "Kemudahan Pembayaran Zakat: Tinjauan di Wilayah Persekutuan dan Selangor." *Labuan e-Journal of Muamalat and Society*, 10: 66-76.

Noor Naemah Abdul Rahman (2002). "Ruang Ijtihad dalam Amalan Fatwa di Malaysia: Sorotan dari Sudut Pentadbiran Fatwa." *Jurnal Syariah*, 10(2).

Paizah Hj Ismail (2010). "Ijtihad Sebagai Manhaj Istintbat Hukum dalam Pengeluaran Fatwa." Dalam Monograf al-Ifta' (Siri 1). Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.

Portal Rasmi Kerajaan Negeri Terengganu. Diakses 10 April 2013 dari, <http://www.terengganu.gov.my/maxc2020/baitulmgmt/gen.zakatEmas.php>.

Portal Rasmi Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan. Diakses 10 April 2013 dari, [http://www.e-maik.my/public\\_new/index.php?option=com\\_php&Itemid=1139](http://www.e-maik.my/public_new/index.php?option=com_php&Itemid=1139).

Portal Rasmi Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Perak. Diakses 10 April 2013 dari, <http://www.maiamp.gov.my/maiamp/maipk/index.php/kemudahan/kalkulator-zakat/kalkulator-zakat-emas-perak>.

PPZ-MAIWP (2013). Laporan Zakat PPZ-MAIWP 2013. Kuala Lumpur: Pusat Pungutan Zakat – MAIWP, 2013.

Pusat Kutipan Zakat Pahang. Diakses 10 April 2013 dari, <http://www.zakatpahang.my/v2/EmasPerakDalil.aspx>.

*Ummi Farahin Y., Noor Naemah A. R. & Muhammad Ikhlas R.*

Pusat Pungutan Zakat (PPZ MAWIP). Diakses pada 10 April 2013 dari <http://www.zakat.com.my/zakat-emas.html>.

Pusat Zakat Melaka. Diakses 10 April 2013 dari, [http://www.izakat.com/index.php?option=com\\_content&view=article&id=7&Itemid=12&lang=en](http://www.izakat.com/index.php?option=com_content&view=article&id=7&Itemid=12&lang=en).

Pusat Zakat Negeri Sembilan. Diakses pada 10 April 2013 dari. <http://www.zakatns.com.my/ver4/info-zakat/jenis-zakat/zakat-emas-dan-perak>.

Al-Qaradawi, Yusuf (1990). *Madkhal li Dirasah al-Shari‘ah al-Islamiyyah*. Al-Qahirah: Maktabah Wahbah.

Razali Md Jani (Pengurus Kanan Unit Penyelidikan & Pembangunan Koprat, Pusat Pungutan Zakat MAIWP). Temubual pada 23 Januari 2014.

Tabung Baitulmal Majlis Agama Islam Sarawak. Diakses 10 April 2013 dari, <http://www.tabung-baitulmal-sarawak.org.my/zakatemas.html>.

Wali al-Din Muhammad Ibn ‘Abd Allah al-Tabrizi (1961). *Mishkat al-Masabih*, tahqiq: Nasir al-Din al-Albani, no. hadis: 4381. Damshiq: al-Maktab al-Islami li al-Tiba‘ah wa al-Nashr.

Zakat Pulau Pinang. Diakses 10 April 2013 dari, <http://www.zakatpenang.com/index.php/kutipan/jenis-zakat/zakat-emas-perak>.

Zaydan, ‘Abd al-Karim (2009). *Madkhal li Dirasah al-Shari‘ah al-Islamiyyah*. Bayrut: Mu’assasah al-Risalah Nashirun.